

**Usaha Kerajaan Bagi Kebajikan OKU Tidak Pernah Terhenti - Shahrizat Bernama
04 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata usaha kerajaan bagi kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak pernah terhenti, malah sentiasa dipertingkatkan supaya mereka menikmati kehidupan lebih selesa.

Katanya, kerajaan serius membantu OKU supaya golongan itu dapat berdikari seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka kepada yang lebih baik.

Bercakap dalam forum khas bertajuk 'Karisma OKU: Melonjak Potensi' yang diadakan sempena sambutan Hari OKU peringkat Kebangsaan di Wisma Bernama, di sini, Shahrizat berkata RM24 juta diperuntukkan kerajaan kepada 11 institusi yang menyediakan perkhidmatan kepada OKU.

Selain itu, katanya, RM56 juta diperuntukkan pula kepada Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merangkumi faedah kepada 18,943 OKU di seluruh negara.

Forum tersebut yang disiarkan secara langsung melalui BernamaTV dari Wisma Bernama memberi peluang kepada lebih 200 OKU berinteraksi lebih sejam bersama Menteri itu yang menjadi salah seorang ahli panel.

Seorang lagi ahli panel, Presiden Gabungan Persatuan Orang Kurang Upaya Malaysia, Datuk Mah Hassan Omar berkata walaupun negara semakin maju namun pandangan segelintir masyarakat mengenai keupayaan OKU masih rendah.

"OKU perlu diberi peluang yang sama, seperti orang lain ini kerana kami juga adalah rakyat yang sah.

"Sedih kerana sehingga kini tidak ramai OKU yang dapat memainkan peranan sepatutnya untuk golongan ini berdikari dan menjadi penyumbang produktiviti negara," katanya.

Mah Hassan, seorang peguam, berkata banyak pihak masih tidak menyedari kepentingan dan peranan OKU kerana ada di kalangan mereka yang terus meminggirkan golongan berkenaan.

Forum itu turut melibatkan Ahli Majlis Kebajikan OKU Anthony Arokia dan Presiden Persatuan Orang Pekak Malaysia Mohamad Sazali Sha'ari.

Presiden Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia Wan Zuraidah Abu, menjadi jurubahasa isyarat dalam forum.

Terdahulu, Shahrizat menyampaikan sumbangan RM450,000 kepada 15 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) untuk menjayakan sambutan Hari OKU Peringkat Negeri.

Hadir sama di forum tersebut Pengurus Besar Bernama Datuk Hasnul Hassan dan Ketua Pengarang Bernama Datuk Yong Soo Heong.

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631750>